

**Agong, Permaisuri Akhiri Lawatan Negara Ke Vietnam
Bernama
8 Sept, 2013
Daripada Siti Aisyah Harun**

HANOI, 8 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah Hamidun Ahad mengakhiri lawatan negara empat hari ke Vietnam yang bermula Khamis lepas.

Seri Paduka berdua berangkat pulang ke tanah air dengan pesawat khas dari Terminal Khas Lapangan Terbang Antarabangsa Noi Bai di sini kira-kira 4 petang (waktu tempatan) dengan diiringi Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom selaku menteri pengiring.

Pengerusi Pejabat Presiden Vietnam, Dao Viet Trung, Timbalan Menteri Luar Vietnam Nguyen Phuong Nga dan Duta Vietnam ke Malaysia Nguyen Hong Thao berada di lapangan terbang bagi mengucapkan selamat berangkat kepada pasangan diraja itu.

Dao kemudian mengiringi Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah menaiki pesawat sambil disertai perbarisan kawalan kehormat 28 anggota Tentera Rakyat Vietnam untuk istiadat keberangkatan pulang delegasi diraja itu.

Lawatan Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong ke Vietnam dilihat akan meningkatkan lagi hubungan dua hala kedua-dua negara dalam pelbagai bidang selain terus memperkukuh keakraban rakyat kedua-dua negara.

Lawatan Seri Paduka ke Vietnam, merupakan lawatan pertama selepas ditabal sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 pada 11 April tahun lepas, dan lawatan negara keempat ke negara ASEAN, selepas Indonesia dan Brunei pada 2012 dan Thailand yang berakhir pada 4 Sept lalu.

Semasa di Vietnam, Tuanku Abdul Halim juga menerima menghadap Presiden Vietnam, Truong Tan Sang dan Setiausaha Agung Parti Komunis Vietnam, Nguyen Phu Trong selain bertemu dengan rakyat Malaysia yang menetap di Vietnam dalam satu majlis makan malam.

Pertemuan selama setengah jam dengan Presiden Truong mencapai persetujuan agar kedua-dua negara dapat meningkatkan lagi kerjasama menerusi persidangan di peringkat antarabangsa demi manfaat bersama dan ia membuktikan kekukuhan hubungan diplomasi yang terjalin sejak 40 tahun lepas.

Presiden Truong mengagumi proses transformasi Malaysia menjadi sebuah negara maju dan moden namun masih memelihara ciri-ciri unik budaya masyarakat dan menambah Vietnam juga sedang berusaha ke arah pemodenan pada masa depan.

Ketika bertemu Phu Trong, Seri Paduka berkenan mengundang pemimpin tertinggi parti memerintah tersebut untuk mengadakan lawatan ke Malaysia pada masa depan.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=976107>

